



SIARAN AKHBAR
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**2 premis dikenakan kompaun atas kesalahan menjual
melebihi harga maksimum yang ditetapkan**

Tarikh: 10 September 2022

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan dua kompaun kepada dua buah premis perniagaan kerana melanggar peruntukan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
2. Penguatkuasaan rutin harian yang dijalankan oleh JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna telah mendapati dua buah premis perniagaan melakukan kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barang yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142, dan tindakan kompaun telah dikeluarkan seperti berikut:

| Bil. | Nama Syarikat | Tindakan (Kompaun) |
|------|--------------------------|--------------------|
| 1 | AI Noor Department Store | \$500.00 |
| 2 | ABV Enterprise | \$500.00 |

3. Para peniaga perlu mematuhi perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dan sentiasa mempraktikkan amalan perniagaan yang wajar dan beretika, dalam usaha bagi membantu Negara membangunkan persekitaran perniagaan yang mampan.

4. Para pengguna disarankan untuk menggunakan aplikasi mudah alih PenggunaBijak yang boleh dimuat turun melalui platform App Store dan Google Play bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan membuat aduan rasmi mengenai amalan perniagaan yang tidak wajar, dengan menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti. JPES juga boleh dihubungi melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel kepada aduanpengguna@jpes.gov.bn.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi